

INDUSTRI SWISS BOLEH TOLONG MALAYSIA

Pasaran jam di Asean dan Asia: Seruan Mahathir

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

KUALA LUMPUR, Jumaat — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mengesyorkan Malaysia diberi peluang membantu Switzerland kembali ke pasaran jam tangan di Asean dan Asia.

Timbalan Perdana Menteri berkata, pembuat-pembuat jam tangan Swiss patut menimbangkan penubuhan kilang-kilangnya di Malaysia supaya perindustrian dan kepakaran Swiss yang mengetahui suasana ekonomi di Malaysia boleh "kembali" di pasaran di negara ini dan Asia.

Bellau berkata demikian dalam satu majlis dialog dengan pengeluar-pengeluar jam Swiss di Zurich. Ucapannya dikeluarkan di sini.

Bellau yang juga Menteri Perdagangan dan Perindustrian berkata, Switzerland antara negara di dunia sebagai perintis dalam pengeluaran jam sudah tentu tidak sanggup menampung kemelesetan jam-jam tangannya di pasaran Asean dan Asia.

"Kami berharap dapat menolong anda membuat sesuatu mengenal kedudukan ini," katanya.

Dihormati

Datuk Seri Dr. Mahathir kini mengetuai 25 orang ahli rombongan pelaburan dalam lawatan 11 hari ke Switzerland dan Belgium.

Bellau berkata, Industri Swiss yang dikenali dan dihormati oleh dunia antarabangsa sebagai yang mempunyai teknologi yang tinggi, boleh menolong Malaysia dalam rancangan perindustriannya dan langkah meninggikan mutu teknologi industri.

Menurutnya, setakat ini tidak terdapat kilang-kilang pemasangan jam tangan di Malaysia tetapi alat-alat berkaitan dan barang-barang kemasnya dikeluarkan oleh tiga buah syarikat di negara ini.

Katanya, dari tiga buah syarikat, dua dari Jepun dan satu yang lain dengan Syarikat Swiss sebagai pemegang saham utama, mengeluarkan untuk pasaran eksport.

Pelaburan

Jumlah pelaburan setakat ini \$14 juta dan memberi peluang pekerjaan kepada 1,600 rakyat Malaysia.

Selain dari tiga buah syarikat besar ini, kata Datuk Seri Dr. Mahathir, beberapa buah syarikat kecil telah diberi kebenaran mengeluarkan berbagai jenis jam, termasuk jam-jam tangan mereka masih belum melaksanakan projek mereka.

Bellau memberitahu pada tahun 1977, Malaysia mengimport 365,000 jam tangan bernilai \$15.3 juta dan hanya kira-kira 46,000 jam bernilai \$4.2 juta atau 26 peratus dari Switzerland.

Tambahnya, perlu diketahui jam-jam tangan Switzerland didaftarkan sebagai yang mempunyai harga yang tinggi berbanding dengan jam tangan dari Jepun dan Hong Kong.